



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV (13)

22 Mei 1998

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 13/1998:
Program Membina Tabiat Membaca

Laporan terkini Kajian Literasi oleh Perpustakaan Negara Malaysia menyatakan bahawa rakyat Malaysia membaca hanya dua buah buku setahun. Kadar ini adalah rendah dan menunjukkan tabiat membaca masih tidak memberangsangkan.

2. Kernenterian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap kepentingan membina tabiat membaca di kalangan pelajar. Usaha-usaha membina tabiat membaca perlu diberi penekanan yang wajar dan berkesan dalam pelaksanaan sistem pendidikan kita selaras dengan hasrat mewujudkan budaya membaca dan budaya ilmu rakyat Malaysia.

3. Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan keputusan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan Program Membina Tabiat Membaca secara terancang dan berterusan di sekolah-sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri bolehlah melantik Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) atau Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) sebagai Urusetia dalam pelaksanaan program ini.

4. Semua sekolah hendaklah membentuk mekanisme pelaksanaan untuk merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti membaca yang melibatkan semua murid di semua peringkat. Di antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- 4.1 Mengadakan aktiviti-aktiviti membaca secara berperingkat dan berterusan, meliputi aktiviti asas, aktiviti pernupukan dan aktiviti pengkayaan.
- 4.2 Menyediakan bahan bacaan, sama ada di sekolah atau yang boleh diperolehi di luar sekolah. Bahan bacaan ini hendaklah sesuai mengikut tahap murid.
- 4.3 Memperuntukkan masa membaca, sama ada pada waktu sekolah atau di luar waktu sekolah dengan kewajaran yang ada.
- 4.4 Menjadikan Pusat Sumber Sekolah sebagai pusat gerakan galakan membaca.
- 4.5 Mendapatkan penglibatan ibu bapa supaya membaca juga berlaku di rumah.
- 4.6 Menerapkan unsur-unsur kepimpinan di kalangan murid dalam aktiviti membaca.

- 4.7 Menggalakkan guru-guru membaca sebagai contoh dan teladan kepada murid-murid.
- 4.8 Menyediakan sistem merekod bacaan yang diselaraskan di semua sekolah supaya Jabatan Pendidikan Negeri mudah menyelia, menilai dan melapor, untuk maklumat dan rekod Kementerian Pendidikan. Borang dan retod bacaan boleh diubahsuai mengikut kewajaran dan kesesuaian sekolah.
- 4.9 Meningkatkan impak melalui sistem ganjaran dan penghargaan di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Bilangan buku yang dibaca dan jumlah markah yang terlibat dalam sistem ini boleh diubahsuai mengikut saiz dan lokasi sekolah.
- 4.10 Memberi penekanan kepada perkara-perkara yang dapat menarik minat murid-murid membaca dan guru-guru terus menjana idea kreatif dan inovatif untuk membina tabiat membaca yang berterusan.

5. Sebagai panduan bagi melaksanakan program membina tabiat membaca ini, sila rujuk buku **"PROGRAM NILAM: KONSEP DAH PANDUAN PELAKSANAAN DI SEKOLAH"**.

6. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 8. Ketua Nazir Sekolah
 9. Pegawai Perhubungan Awam